

Nota Penyelidikan/Research Notes

Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti Nelayan di Pulau Redang

YAHYA IBRAHIM

ABSTRAK

Kajian ini cuba membuat penelitian mengenai dampak awal ke atas komuniti tempatan berikutan proses pembangunan pelancongan yang sedang dilaksanakan di Pulau Redang, Terengganu. Aspek kualiti hidup dan proses transformasi kehidupan harian yang dilalui adalah di antara perkara utama yang dibincangkan. Hasil kajian yang dijalankan melalui kerja lapangan dengan kaedah tinjauan isi rumah menggunakan borang soal selidik sebagai sumber data utama mendapati komuniti nelayan tradisi Pulau Redang, yang sememangnya telah lama mimpikan perubahan kini mulai mendapat perhatian sewajarnya hasil arus pembangunan. Walau bagaimanapun, impaknya secara langsung masih belum terserlah. Hal ini kerana pembangunan pelancongan belum dapat membawa pulangan sosial dan ekonomi yang wajar kepada komuniti ini. Namun, secara tidak langsung ia telah dapat menarik perhatian ahli-ahli komuniti ini kepada pekerjaan baru di sektor pelancongan yang dianggap mempunyai masa depan yang lebih terjamin dan memupuk semangat baru untuk menyesuaikan diri dengan arus perubahan dan tatacara hidup yang baru.

Kata kunci: pelancongan, pulau, komuniti tempatan

ABSTRACT

This study examines the initial impact of tourism development on the local community of Pulau Redang (Redang Island), off the coast of Terengganu, Malaysia. Two major issues discussed are the quality of life and the transformation in the people's daily activities. Data for this study were collected during fieldwork by using a household survey given to respondents. Results show that the immediate impact of tourism development is not yet apparent. This is because the programme has not brought significant economic or social returns. However, indirectly, members of the community have begun to realise that new job opportunities associated with the tourism industry have a promising future, generating a new spirit among the people to adapt to change and a new life style.

Keywords: tourism, island, local community

PENGENALAN

Perkembangan industri pelancongan dan penglibatan komuniti tempatan telah mula diperhatikan oleh para pengkaji yang menyedari akan pentingnya saling perkaitan antara kedua-duanya. Dalam beberapa kajian lampau, seringkali dihujahkan bahawa aktiviti pelancongan boleh membawa pembangunan dan perubahan kepada komuniti tempatan terutama, di negara-negara Dunia Ketiga (lihat Mathieson & Wall 1982). Negara-negara ini kini berlumba-lumba memajukan industri tersebut berasaskan aset sumber alam semulajadi yang berpotensi untuk dimajukan.

Kejayaan promosi pelancongan di sesebuah negara dikatakan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan tukaran wang asing, memperluaskan integriti budaya dan hubungan antarabangsa serta dapat mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan (Bird 1989). Pelaburan dalam industri ini terbuka luas kepada sesiapa sahaja, terutama yang berpengaruh dari segi politik dan mempunyai sumber kewangan yang kukuh bagi memudah dan mempercepatkan proses pembangunan. Arah aliran ini antara lain meneruskan fenomena ketaksamaan antara sektor tradisi dan moden meskipun komuniti tempatan juga dipelawa untuk bekerjasama atau terlibat secara langsung. Namun, komuniti tempatan ini yang tegal dengan tatacara hidup tradisinya hanya mampu bertindak sebagai penonton kepada pembangunan, dan akhirnya terpaksa akur kepada proses perubahan hasil pembangunan yang telah direncanakan. Oleh itu, mahu tidak mahu mereka terpaksa menyertai proses transformasi dalam usaha merealisasikan kehendak modenisasi terancang. Industri pelancongan juga dikatakan sebagai suatu strategi pihak kerajaan bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi dengan beralih kepada sektor moden bagi mengambil tempat sektor tradisi yang kurang produktif. Walau bagaimanapun, proses ini memerlukan kesediaan dan penyesuaian yang teliti di kalangan ahli komuniti agar kesepaduan yang cuba diwujudkan boleh diterima dan tidak disangsikan. Melalui pewujudan kesepaduan antara sektor moden dan tradisi, kedua-duanya, kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi perlu terlebih dahulu diatasi (Shamsul Amri 1990:32).

Komuniti nelayan tradisi seperti juga komuniti tradisi yang lain, tidak dapat lari daripada belunggu kemiskinan. Permasalahan sosioekonomi ini bukan sahaja melingkari alam kehidupan mereka, malah menjadi pusaka yang diperturunkan kepada generasi keturunannya. Walaupun terdapat berbagai dasar dan program dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini, namun hakikatnya proses 'penitisan ke bawah' daripada faedah pembangunan berlaku dengan agak lambat serta mengambil masa yang lama untuk sampai kepada golongan yang paling bawah dalam hierarki kemiskinan (Chamhuri Siwar 1988:3).

Pada umumnya, proses transformasi yang dilalui masyarakat terbanyak juga terbaaur di kalangan komuniti kecil seperti di Pulau Redang ini. Arus perubahan dan modenisasi sedikit sebanyak turut dirasai komuniti ini meskipun ia hanyalah

tempias daripada proses pembangunan pelancongan yang melanda. Lantaran kalutnya projek-projek pembangunan yang dibawa masuk oleh para pemodal luar yang berkemampuan melalui restu pemerintah, maka akhirnya timbul kesedaran di kalangan ahli komuniti tempatan untuk membuat tuntutan ke atas ruang sosioekonomi yang sepatutnya juga meningkat seiring dengan pembangunan fizikal.

PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI MALAYSIA: ULASAN SEPINTAS LALU

Berdasarkan *World Tourism Organization* (dalam *Bulletin of the European Communities* 1986), definisi yang diterima pakai oleh organisasi antarabangsa berkaitan 'pelancongan' merangkumi semua perjalanan yang mengambil masa lebih daripada 24 jam, sama ada untuk tujuan rekreasi, berniaga, belajar, kesihatan dan sebagainya. Berdasarkan kajian oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, para pelancong mengunjungi negara ini kerana beberapa sebab. Antaranya untuk tujuan perniagaan, percutian, menghadiri persidangan, melawat kawan atau saudara dan melakukan perkara-perkara menarik seperti bermain golf dan meninjau tempat-tempat bersejarah.

Pada masa kini pendedahan terhadap aktiviti pelancongan di kalangan masyarakat di negara ini sudah begitu meluas, meliputi semua golongan masyarakat dan bukan hanya tertumpu kepada golongan kelas menengah atau atasan sahaja. Aktiviti 'pergi bercuti' untuk tujuan berhibur yang selalunya disertai oleh keluarga atau rakan telah menjadi amalan biasa. Ini dibuktikan dengan tempahan terhadap tempat-tempat peranginan yang selalunya didapati penuh setiap kali musim cuti. Manakala ditinjau dari segi kedatangan pelancong asing ke negara ini, secara relatifnya didapati meningkat dari setahun ke setahun selaras dengan perkembangan industri ini. Cuma beberapa tahun kebelakangan (1996-1998), berlaku sedikit kemerosotan ekoran daripada berbagai-bagai faktor terutamanya kegawatan ekonomi di Asia Tenggara. Namun, perkembangan industri ini pada tahun-tahun kebelakangan (1999 dan 2000) semakin memberangsangkan dengan jumlah kedatangan pelancong meningkat secara mendadak hingga di luar jangkauan. Majoriti, iaitu kira-kira 70 peratus daripada para pelancong asing yang bertumpu ke Malaysia terdiri daripada pelawat dari negara-negara Asean. Singapura merupakan sumber utama pelancong asing dengan menyumbang lebih 50 peratus daripada jumlah ketibaan pada tahun 1998, 1999 dan 2000, diikuti oleh Thailand, iaitu sejumlah 6 peratus pada tahun 1999 dan 9 peratus pada tahun 2000.

Daripada daftar kemasukan pelancong asing berasaskan pasaran jarak dekat pada tahun 2000, Singapura mendahului dengan sejumlah 5.42 juta orang. Manakala Jepun mendahului negara-negara lain bagi pasaran jarak sederhana dan jauh dengan jumlah kemasukan seramai 455,981 orang. Negara-negara

Eropah, China, Australia, New Zealand, United Kingdom, Hong Kong, Taiwan dan Amerika Syarikat merupakan di antara negara lain yang mempunyai potensi pasaran pelancong yang baik untuk Malaysia. Sehingga kini, bilangan kemasukan pelancong luar negara dan perolehan pendapatan negara daripada industri pelancongan ini semakin bertambah, tetapi kadar pertambahannya naik turun pada kadar yang sederhana (Jadual 1 dan 2).

JADUAL 1. Petunjuk pelancongan terpilih (1996-2000)

| Petunjuk | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 | 2000 |
|-----------------------------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Bil. Pelancong ('000) | 7,138 | 6,211 | 5,551 | 7,931 | 10,221 |
| Negara Asal (%) | | | | | |
| Asean | 72.9 | 71.5 | 65.5 | 75.0 | 70.4 |
| Jepun | 4.9 | 5.0 | 4.5 | 3.6 | 4.5 |
| Australia | 2.1 | 2.1 | 2.6 | 1.7 | 2.3 |
| U. Kingdom | 2.3 | 2.6 | 2.9 | 1.7 | 2.3 |
| Lain-lain | 17.8 | 18.8 | 24.5 | 18.0 | 20.5 |
| Jum. Pendapatan | | | | | |
| Pelancongan (RM juta) | 11,251 | 10,510 | 9,334 | 13,452 | 18,756 |
| Jum. Pelaburan (RM juta) | 9,273 | 5,201 | 4,100 | 18,800 | NA |
| Bilangan Hotel | 1,289 | 1,365 | 1,419 | 1,404 | 1,492 |
| Bilangan Bilik Hotel | 85,514 | 98,440 | 107,791 | 109,413 | 134,586 |
| Tempoh Tinggal Purata (mlm) | 5.4 | 5.3 | 5.5 | 5.5 | 5.5 |
| Kadar Penginapan Hotel (%) | 62.3 | 58.0 | 49.9 | 51.7 | 55.0 |
| Guna Tenaga | 134,990 | 137,689 | 135,761 | 142,077 | 78,671* |

Sumber: Malaysia, Kajian Separuh Penggal RM7 (1999: 248), Jadual 8-1 dan Laporan LPPM dalam http://www.tourism.gov.my/report/2000_1a.htm

* Data di sektor perhotelan sahaja

Dengan peningkatan jumlah ketibaan pelancong luar dan juga aktiviti pelancongan di kalangan masyarakat tempatan yang semakin meningkat setiap tahun, kecuali di tahun-tahun kemelesetan ekonomi 1997-1998 (Jadual 2), pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menjadikan industri pelancongan sebagai sektor ekonomi yang teguh, berdaya maju, berdaya saing dan tumbuh secara berterusan. Usaha-usaha ke arah peningkatan peranan sektor ini telah dipergiatkan ke semua arah dan peringkat termasuklah latihan, pemasaran, penggalakan dan strategi bagi menarik para pelancong dari dalam dan luar negara. Pelbagai promosi telah dijalankan terutama di luar negara bagi memperkenalkan negara ini. Penyediaan kemudahan asas dan prasarana seperti pembinaan lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan lebuh raya misalnya adalah sebahagian usaha kerajaan bagi mencapai impian tersebut.

JADUAL 2. Jumlah kedatangan pelancong dan hasil pendapatan pelancongan ke Semenanjung Malaysia (1980-2000)

| Tahun | Jumlah Kedatangan | Peratusan Pertumbuhan | Pendapatan Pelancong (RM Juta) | Peratusan Pertumbuhan |
|-------|----------------------|--------------------------|--------------------------------------|--------------------------|
| 1980 | 2,067,020 | 1.4 | 618.9 | 25.0 |
| 1981 | 2,344,933 | 13.5 | 867.3 | 40.3 |
| 1982 | 2,588,772 | 10.4 | 1,019.0 | 17.5 |
| 1983 | 2,750,397 | 6.2 | 1,329.0 | 19.2 |
| 1984 | 2,779,081 | 1.0 | 1,426.0 | 7.4 |
| 1985 | 2,933,271 | 5.6 | 1,543.0 | 8.2 |
| 1986 | 3,217,462 | 9.7 | 1,669.0 | 8.3 |
| 1987 | 3,358,983 | 4.4 | 1,795.0 | 7.7 |
| 1988 | 3,623,636 | 7.9 | 2,012.0 | 11.3 |
| 1989 | 4,553,392 | 25.7 | 2,803.0 | 39.3 |
| 1990 | 7,079,107 | 55.5 | 4,473.0 | 59.6 |
| 1991 | 5,543,376 | -21.7 | 4,282.6 | -4.3 |
| 1992 | 5,687,241 | 2.6 | 4,419.6 | 3.2 |
| 1993 | 6,503,860 | 8.1 | 5,066.0 | 10.2 |
| 1994 | 7,197,229 | 10.7 | 8,298.0 | 63.8 |
| 1995 | 7,468,749 | 3.8 | 9,174.9 | 10.6 |
| 1996 | 7,138,452 | -4.4 | 10,354.1 | 12.9 |
| 1997 | 6,210,921 | -13.0 | 9,699.6 | -6.3 |
| 1998 | 5,550,748 | -10.6 | 8,580.4 | -11.5 |
| 1999 | 7,931,149 | 42.9 | 12,321.3 | 43.6 |
| 2000 | 10,221,582 | 28.9 | 17,335.4 | 40.7 |

Sumber: Disesuaikan daripada Malaysia, LPPM, (pelbagai tahun).

Dalam usaha merealisasikan impian ini, setiap negeri di Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meningkatkan lagi prasarana pelancongan di negeri masing-masing. Negeri Terengganu misalnya yang kaya dengan pelbagai khazanah alam semulajadinya dan berpotensi untuk dimajukan, telahpun membangunkan tempat-tempat yang menarik dengan pelbagai projek pelancongan melalui agensi kerajaan, usahasama dengan pihak swasta ataupun secara penswastaaan kepada pemaju yang berkemampuan untuk melabur dalam bidang ini. Dari tahun 1991 hingga 1997, sejumlah 122 projek pelancongan oleh pihak swasta yang melibatkan pembinaan chalet, hotel dan pusat peranginan telah diberi kelulusan oleh pihak kerajaan negeri. Kemudahan ini dapat menampung lebih 2 juta pelancong ke Terengganu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Melalui kaedah ini, sektor pelancongan telah menjadi pendahulu sektor perkhidmatan mengikut sumbangan kepada KDNK negeri Terengganu.

Pembangunan industri pelancongan yang dijalankan di negeri Terengganu pada dasarnya adalah secara terpilih dan tertumpu kepada penggunaan sumber-sumber sedia ada dengan:

- Memajukan produk pelancongan baru yang berasaskan pengekalan bentuk asli dan tradisional.
- Memaju dan menyepadukan imej tersendiri negeri di dalam program galakan yang berkaitan khususnya dengan soal cara hidup dan pelbagai kebudayaan.
- Mempertingkatkan usaha promosi untuk menekankan keunikan adat budaya dan cara hidup rakyat.
- Memberi penekanan kepada *low budget tourist*.

(UPEN Terengganu 1996:38)

Konsep yang dilaksanakan untuk menggalakkan sektor ini diasaskan kepada konsep 3H – *Heritage, History and Handicraft* dan konsep 3S – *Sea, Sand and Sun*. Melalui penggabungan kaedah dan konsep ini, sektor pelancongan terus berkembang dengan pesat di negeri ini. Dengan terdapatnya pulau-pulau yang indah, pantai berpasir sepanjang 244 kilometer, air terjun, dan terdapatnya sebuah tasik terbesar di Malaysia iaitu Tasik Kenyir, sektor pelancongan di negeri ini dikatakan mempunyai aset yang dapat memberi pulangan yang lumayan.

Program pembangunan sektor pelancongan di negeri Terengganu ini adalah berasaskan pengurusan lestari alam semulajadinya (UPEN Terengganu 1997:29-30). Usaha-usaha diteruskan dengan program-program pembangunan yang berkaitan seperti memelihara tempat-tempat bersejarah, melaksanakan program kebersihan dan kecantikan, menyediakan kemudahan penginapan yang selesa dan mencukupi, membina lebih banyak infrastruktur, menggalak penyertaan sektor swasta, seterusnya memajukan bidang kebudayaan dan kesenian rakyat. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga menekankan penglibatan secara langsung penduduk tempatan dengan cara menggalakkan penduduk tempatan menceburi bidang-bidang yang berkaitan melalui pelbagai peluang pekerjaan yang ditawarkan di hotel-hotel atau tempat-tempat peranginan dan juga mengadakan kursus-kursus pengusaha rumah penginapan dan pemandu pelancong (UPEN Terengganu 1996:39).

KOMUNITI TEMPATAN DAN INDUSTRI PELANCONGAN

Perkembangan industri pelancongan terutama di Malaysia, adalah berkait rapat dengan penglibatan komuniti tempatan. Dalam usaha menjayakan program-program pembangunan yang dirancang, komuniti tempatan memainkan peranan penting sebagai penyokong ke arah menggalakkan lagi kedatangan pelancong ke negara ini melalui budaya dan sikap mereka terhadap pelancong. Keutuhan ekonomi pelancongan bukan sahaja bergantung kepada daya tarikan alam semulajadi dan promosi besar-besaran semata-mata, tetapi juga bergantung

kepada kesediaan komuniti tempatan menerima dan melayan para pelancong yang datang. Kesediaan penduduk tempatan ini merupakan satu sokongan moral terhadap sektor ini yang juga mencerminkan kemahuan komuniti tempatan melibatkan diri. Aktiviti ini juga dikatakan dapat mengeratkan perhubungan antara komuniti tuan rumah dengan pelancong asing (Kadir Din 1997). Bagi sesetengah golongan, kehadiran para pelancong dipandang dari sudut positif dengan mengambil peluang yang ada untuk berurusan dengan mereka bagi memperolehi manfaat ekonomi melalui peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan dalam industri yang berkaitan. Pada tahun 1999 sektor pelancongan ini telah berjaya mewujudkan 200 juta pekerjaan yang merentasi ekonomi global (Mahathir Mohamad dlm *Berita Harian* 10 April 2001).

Memperkatakan tentang manfaat hasil pembangunan sektor ini, secara fizikalnya, sumbangan yang paling jelas ialah membangunkan kawasan-kawasan yang sebelumnya tidak dikenali supaya menjadi terkenal dan dikunjungi ramai. Untuk ini, apa yang diperlukan ialah pemupukan pelbagai aktiviti, terutama aktiviti ekonomi, yang bakal diceburi oleh komuniti di peringkat lokal. Meskipun begitu, kesedaran sahaja tidak memadai, faktor modal, kemahiran dan masalah komunikasi merupakan penghalang utama. Dengan sebab itulah industri ini hanya dapat digenggam erat oleh mereka yang memiliki faktor-faktor pengeluaran tersebut.

Sulong Mohamad (1981) dalam kajiannya di Tanjung Jara dan Rantau Abang, Terengganu mendapati sebahagian penduduk tempatan menunjukkan minat yang tinggi terhadap bidang pelancongan. Minat ini jelas terbukti apabila sebahagian daripada mereka sanggup meninggalkan pekerjaan asal untuk beralih kepada sektor baru ini. Walau bagaimanapun, akibat kekurangan modal dan kemahiran, serta diskriminasi oleh pengusaha asing, kesan pembangunan industri pelancongan ini adalah amat terhad. Kemampuan mereka hanya terbatas kepada perniagaan kecil-kecilan yang tidak menjanjikan pulangan yang benar-benar menguntungkan.

Kajian yang telah dilakukan oleh Chew Ban Seh (1983) di Pulau Pangkor pada awal-awal pembangunannya, mendapati sebanyak 127 peluang pekerjaan di sektor perhotelan telah diwujudkan, dan 69 peratus daripada para pekerja hotel ini terdiri daripada penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, pekerjaan yang mereka lakukan itu merupakan pekerjaan tidak mahir, manakala pekerjaan mahir dibolot oleh orang luar.

Sementara itu, kajian oleh Kadir Din (1982) dan Sulong Mohamad (1981) mendapati dasar kerajaan Malaysia yang cuba menggalakkan 'pelancongan mewah' tidak membolehkan golongan bumiputera menyertai kegiatan tersebut. Hal ini terjadi kerana sektor perhotelan di bandar-bandar utama telah lama dikuasai pemodal Cina dan kerana itu pembangunan pelancongan sekarang hanya akan memperluaskan lagi jurang ketidaksamaan antara kaum.

Dalam kajiannya di Pulau Pinang dan Langkawi pula, Kadir Din (1997) mendapati impak positif yang ketara dalam pembangunan industri pelancongan ini ialah peningkatan peluang pekerjaan (66.7 peratus) dan peningkatan

pembangunan kemudahan awam dan infrastruktur (52.8 peratus). Manakala impak negatifnya pula ialah seperti peniruan budaya Barat (62.6 peratus) dan keruntuhan moral (59 peratus). Meskipun banyak kajian yang telah dijalankan mengaitkan sektor pelancongan dengan keruntuhan moral seperti dadah, minuman keras, perjudian dan aktiviti seks bebas yang mempengaruhi komuniti tempatan dan bertentangan dengan nilai-nilai Islam, namun ciri-ciri warisan budaya Islam juga menjadi salah satu aspek yang ditonjolkan dalam sektor pelancongan seperti keindahan seni bina masjid yang selalunya menarik perhatian pelancong asing. Seterusnya beliau juga berpendapat, sektor pelancongan yang dianggap sebagai *smokeless industry* ini perlu diberi sokongan dengan penyertaan komuniti tempatan dalam projek-projek bercorak *agrotourism* dan *ecotourism*. Para pelancong juga harus diberi kesempatan mendekati budaya dan cara hidup masyarakat tempatan agar terbentuk hubungan secara langsung di antara para pelancong dan komuniti tempatan. Hal ini akan memperkaya dan memperkenalkan lagi budaya tempatan serta dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Zabidah Safar (1994) dalam kajiannya di Pulau Tioman mengakui bahawa industri pelancongan merupakan faktor penarik kepada pembangunan dan kemasukan industri sokongan. Kemudahan infrastruktur bertambah maju dan mobiliti penduduk tempatan juga meningkat dengan pertambahan dan kemajuan sistem pengangkutan udara dan laut. Migrasi masuk penduduk ke Pulau Tioman dalam tempoh 5 tahun kebelakangan telah meningkat kepada 56.2 peratus dan dengan ini, pertambahan penduduk berlaku dengan pesat. Impak industri ini juga menunjukkan masalah sosial yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak di kalangan remaja turut meningkat melebihi 50 peratus hasil pengaruh budaya pelancong asing umumnya.

Habibah Ahmad (2000) dalam kajiannya tentang impak pelancongan ke atas penduduk tempatan di Labuan mendapati persedian penduduk tempatan dalam menghadapi arus perdana pembangunannya masih jauh ketinggalan, manakala pihak agensi kerajaan juga belum lagi mengambil tempat yang sewajarnya bagi membantu usahawan tempatan, sedangkan pengusaha dan pelabur luar telah berpusu-pusu masuk dan membuka cawangannya. Beliau berpendapat masalah sikap dan keperluan asas yang dihadapi penduduk tempatan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum mereka boleh bersaing dan merebut pelbagai peluang pembangunan ekonomi yang dirancang.

Dalam melihat impak lain industri ini ke atas komuniti tempatan, tidak dapat dinafikan pelancongan juga boleh menyebabkan berlakunya inflasi disebabkan permintaan oleh pelancong yang mampu membayar dengan harga yang lebih tinggi terhadap barangan dan perkhidmatan. Inflasi ini telah menyebabkan penduduk tempatan terpaksa bersaing dengan kos yang lebih tinggi bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang serupa. Contohnya, kajian oleh Chew Ban Seh (1983) di Pulau Pangkor mendapati adanya pemandu teksi yang enggan memberikan perkhidmatan kepada penduduk tempatan dengan alasan pelancong asing mampu membayar dengan kadar yang lebih tinggi. Kajian Farrell

(1979) di kepulauan Pasifik juga mendapati wujud konflik antara pelancong dan penduduk tempatan kerana persaingan mendapatkan kemudahan awam. Penduduk tempatan juga berasa terancam dengan imej dan identiti baru serta kedudukan kewangan yang lebih tinggi di kalangan pelancong. Mereka mempersepsikan pelancong sebagai kaya, mewah dan berprestij dari segi ekonomi dan sosial.

Oleh itu, dalam menghadapi arus perdana pembangunan dalam sektor yang baru ini, pelbagai kemungkinan dijangka berlaku, terutama jika sekiranya penduduk tempatan kurang bersedia dalam menghadapi perubahan dan mekanisma ekonomi yang baru. Dalam hal ini mereka mungkin akan menjadi pemerhati yang terpinggir, atau menjadi pelarian akibat tekanan sosioekonomi dan penyerakan pembangunan yang memaksa mereka berpindah keluar daripada komuniti dan alam sosialnya.

TUJUAN DAN KAEDAH KAJIAN

Terdapat dua tujuan kajian ini dilakukan. Pertama, untuk membuat penelitian terhadap latar belakang komuniti Pulau Redang dan pembangunan pelancongan yang telah dilaksanakan. Kedua, untuk melihat sejauh mana penglibatan komuniti tempatan dalam pelbagai kegiatan ekonomi lanjutan daripada pembangunan sektor pelancongan yang dilaksanakan di pulau ini.

Jalinan yang kompleks dalam fenomena pelancongan menyebabkan amat sukar bagi kita untuk menilai keseluruhan impaknya (Mathieson & Wall 1982:8). Walau bagaimanapun, secara khususnya kajian ini cuba melihat reaksi awal perubahan semasa yang sedang melanda komuniti ini dari aspek tatacara hidup, sosioekonomi dan sosiobudayanya. Kajian seumpama ini juga merupakan yang pertama pernah dilakukan ke atas komuniti nelayan di Pulau Redang, Terengganu.

Kajian ini bersifat kajian lapangan dengan menggunakan teknik soalselidik. Soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu soalan yang berbentuk terbuka, tertutup dan berbentuk pengujian. Proses pengumpulan data utama melalui tinjauan isirumah, dijalankan secara formal dan bersistematik bagi mengumpul maklumat secara seragam dan standard (Moser & Kalton 1971). Sejumlah 202 temubual, iaitu 86 peratus daripada 236 ketua isi rumah telah berjaya dijalankan, dan maklum balas yang diterima daripada responden adalah amat baik.

Pengumpulan data sekunder pula dilakukan melalui temubual dengan pelbagai agensi. Bahan-bahan bercetak diperolehi daripada beberapa agensi kerajaan seperti Lembaga Penggalakan Pelancongan, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, dan juga pihak pemaju swasta. Selain itu, pengkaji juga membuat penelitian bahan-bahan daripada jurnal, akhbar, makalah dan sumber edaran yang lain.

Secara umumnya data-data primer dan sekunder yang lain dikumpul melalui teknik-teknik berikut:

- Temubual secara formal. Antara pihak yang ditemubual ialah para pegawai kerajaan, ahli politik, aktivis sosial, guru, pengusaha, pelabur luar dan para pemimpin tempatan.
- Temubual secara tidak formal. Temubual ini selalunya tidak dirancang dan secara bersahaja antara pengkaji dan para individu yang ditemui di kawasan kajian.
- Melibatkan diri atau menghadiri majlis keramaian dan juga kegiatan kemasyarakatan.
- Pemerhatian. Teknik pemerhatian ini dilakukan bagi melihat sendiri akan aktiviti harian komuniti, perilaku pelancong asing dan keadaan fizikal kawasan kajian.

LATAR BELAKANG PULAU REDANG DAN KOMUNITINYA

Pulau Redang letaknya di Laut China Selatan, iaitu dalam mukim Batu Rakit, di daerah Setiu, Terengganu. Ia berada kira-kira 30 batu nautika dari Kuala Terengganu dan 20 batu nautika dari Pantai Merang yang menjadi pengkalan utamanya di tanah besar. Perjalanan ke sana dari Pantai Merang dengan feri atau bot pelancong mengambil masa antara satu hingga dua jam bergantung kepada kelajuan bot, arus ombak dan juga cuaca.

Kepulauan Redang mempunyai rangkaian beberapa buah pulau yang merangkumi Pulau Redang, sebagai pulau utamanya yang berpenduduk, Pulau Pinang, Pulau Ling, Pulau Kerangga Besar, Pulau Kerangga Kecil, Pulau Ekor Tebu, Pulau Paku Besar, Pulau Paku Kecil dan Pulau Lima (Kamal Roslan 1995). Perairannya adalah salah satu daripada 'Taman Laut Malaysia' yang telah diwartakan. Di sini terdapat pelbagai spesis batu karang dan ikan-ikan bewarna warni yang menjadi tarikan para pelancong yang meminati aktiviti menyelam dan *snorkeling*.

Luas keseluruhan Pulau Redang (iaitu pulau utama) ialah 1,087 hektar, di mana anggaran ukuran garis pusat utara selatan, timur barat ialah 5 km. Secara umum topografinya terbahagi kepada dua, iaitu 70 peratus kawasan perbukitan di timur dan satu lagi di barat. Kedua-duanya pula dipisahkan oleh satu lembah yang menganjur dari Teluk Dalam ke muara Sungai Redang di selatan (Kamal Roslan 1995).

Pada asalnya komuniti ini dipindahkan dari petempatan lama mereka di Pulau Pinang yang berhadapan dengan Pulau Redang kerana kawasan tersebut dibangunkan dengan kompleks pelancongan Taman Laut. Semenjak dipindahkan pada 1977, mereka ditempatkan di kawasan perumahan di atas air berhampiran muara Sungai Redang. Rumah-rumah papan bertiangkan konkrit dan kayu bakau dan yang dibina dengan kerjasama pihak tentera itu diberikan percuma oleh

kerajaan Negeri Terengganu sebagai pampasan menggantikan tapak dan rumah-rumah asal mereka di Pulau Pinang.

Penduduk di sini telah mendiami rumah-rumah di atas air sebelum ini untuk selama 20 tahun lebih. Dalam tempoh tersebut, komuniti ini boleh dikatakan telah sebatu dengan cara hidup sedemikian dan mengalami pelbagai peristiwa pahit manisnya di petempatan ini. Sehingga pada awal tahun 1998, penduduk ini sekali lagi telah diarahkan berpindah pula ke kawasan perumahan baru di Lembah Redang, kira-kira empat kilometer ke pedalaman. Di kawasan petempatan baru ini mereka disediakan dengan rumah-rumah jenis sesebuah bagi setiap keluarga dan dibekalkan dengan kemudahan yang lebih terurus.

Kini Pulau Redang didiami kira-kira 236 keluarga dengan jumlah penduduk terkini seramai 1,340 orang. Purata kadar kelahiran daripada tahun 1990 hingga 1999 (untuk jangkamasa 10 tahun) ialah 23.6 orang setahun, manakala kadar kematian pula ialah 4.1 orang setahun (Jadual 3).

JADUAL 3. Statistik penduduk Pulau Redang, 1990-1999

| Tahun | Bil. Kelahiran | Bil. Kematian | Jumlah Penduduk |
|-------|----------------|---------------|-----------------|
| 1990 | 45 | 5 | 1147 |
| 1991 | 28 | 2 | 1173 |
| 1992 | 30 | 10 | 1193 |
| 1993 | 24 | 4 | 1213 |
| 1994 | 40 | 2 | 1251 |
| 1995 | 25 | 4 | 1272 |
| 1996 | 21 | 5 | 1288 |
| 1997 | 26 | 4 | 1310 |
| 1998 | 14 | 3 | 1321 |
| 1999 | 23 | 4 | 1340 |

Sumber: Kajian Lapangan 1998-2000

Penduduk asal yang menetap di sini terdiri daripada 100 peratus etnik Melayu dan beragama Islam. Golongan yang masih menetap di Pulau Redang ini adalah dipercayai generasi keempat dan kelima daripada peneroka awal. Walau bagaimanapun, melihat kepada asal usul penduduk yang bermastautin di sini hari ini, didapati 94 peratus penduduknya mempunyai kaitan dari segi keturunan asal komuniti Pulau Redang baik di pihak suami atau isteri dan juga kedua-dua belah pihak. Di kalangan penduduk, mereka saling mengenali antara satu sama lain, dan rata-rata mempunyai hubungan yang rapat sama ada 'sedarah sedaging' atau 'bau bacang'. Namun, melalui proses perkahwinan campur dengan penduduk luar Pulau Redang dan juga tarikan peluang pekerjaan yang dicetuskan hasil arus perubahan dan pembangunan, terdapat segelintir mereka yang berasal dari luar telah menyertai komuniti ini dan terdapat juga yang telah berpindah keluar

ke tanah besar. Jadual 4, menunjukkan bahawa kadar perkahwinan campur dengan masyarakat luar di kalangan generasi baru komuniti ini agak tinggi anggota, iaitu 42.8 peratus.

JADUAL 4. Latar belakang terkini penduduk Pulau Redang

| Asal Usul | Peratus |
|---|--------------|
| Suami isteri berasal Pulau Redang | 51.2 |
| Suami Pulau Redang, isteri tidak | 23.6 |
| Isteri Pulau Redang, suami tidak | 19.2 |
| Suami isteri bukan Pulau Redang (Pendatang) | 6.0 |
| Jumlah | 100.0 |

Sumber: Kajian Lapangan 1998-2000

JADUAL 5. Bilangan ahli isirumah

| Bilangan Ahli Isirumah | Peratus |
|------------------------|--------------|
| 1-2 | 10.1 |
| 3-4 | 30.3 |
| 5-6 | 24.7 |
| 7-8 | 16.3 |
| 9-10 | 11.2 |
| Lebih 10 | 7.3 |
| Jumlah | 100.0 |

Sumber: Kajian Lapangan 1998-2000

Dari segi bilangan ahli isirumah pula, hasil kajian mendapati bilangan ahli isirumah tertinggi ialah 13 orang, iaitu sebanyak 5 keluarga. Data (Jadual 5) juga menunjukkan bahawa jumlah keluarga yang ahli isirumahnya antara 3 hingga 4 orang mempunyai peratusan paling tinggi iaitu 30.3 peratus, diikuti oleh isirumah 5 hingga 6 orang (24.7 peratus) dan 7 hingga 8 orang (16.3 peratus). Keluarga yang mempunyai bilangan isi rumah lebih daripada 10 orang cuma 7.3 peratus.

Komuniti yang terdiri daripada 100 peratus penduduk Melayu beragama Islam ini juga masih kuat berpegang kepada nilai dan tradisi yang berteraskan Islam. Pendidikan keislaman yang berlangsung berabad lamanya secara bersinambungan telah membentuk jiwa komuniti ini dengan jiwa keislaman yang menjadi benteng yang kukuh bagi mempertahankan nilai dan maruah daripada percubaan luar mencero bohi nilai-nilainya (Shafie Abu Bakar 1989:2). Konsep muafakat dan bekerjasama dalam banyak hal yang berkaitan dengan urusan

harian dan keramaian kuat bertapak dalam komuniti ini. Sembahyang berjemaah di masjid, kenduri kendara serta gotong royong membaiki rumah dan tempat awam telah menjadi kebiasaan. Konsep sebegini menepati definisi 'komuniti' iaitu terdiri daripada bilangan yang kecil, tidak terlalu padat, berinteraksi antara satu sama lain secara berkampung, sikap individualistik dihadkan, sentiasa wujud persaudaraan dan kekeluargaan dan mempunyai berbagai fungsi, terdapatnya hubungan persaudaraan, menghayati dan meneruskan usaha dalam semua aspek dalam masyarakat meliputi segi ekonomi, politik, agama, keadilan dan kebajikan (Carter 1985).

Walau bagaimanapun dalam beberapa isu kebelakangan, terutama yang berkaitan dengan kepimpinan politik dan isu pembangunan, terdapat bibit-bibit perselisihan kerana masing-masing mempunyai pandangan tersendiri. Kini secara nyata, penduduk Pulau Redang terpecah kepada dua kumpulan yang bertentangan daripada segi sudut pandangan dan ideologi politik mereka.

Seterusnya melihat kepada aktiviti yang menghasilkan sumber ekonomi penduduk pula, didapati lebih separuh daripada ketua keluarga di Pulau Redang ini menjalankan pelbagai kegiatan sebagai sumber ekonomi keluarga. Namun, kegiatan yang paling utama adalah pekerjaan yang berasaskan sumber laut. Aktiviti menangkap ikan merupakan aktiviti ekonomi utama semenjak dari dulu lagi, tetapi hari ini sejumlah 56 peratus sahaja daripada jumlah ketua isi rumah yang masih meneruskan profesion sebagai nelayan (Jadual 6). Selain menangkap ikan, mereka juga membuat 'kerja-kerja kampung' iaitu kerja yang berkaitan dengan pertanian terutama pada musim tengkujuh. Didapati kegiatan masa lapang di kalangan ketua keluarga amat terhad, iaitu sekadar membaiki pukut, bertukang dan duduk-duduk bersebang di tempat-tempat tertentu seperti di kedai kopi, di wakaf, di jeti atau di serambi. Keadaan ini hampir sama seperti yang digambarkan secara kritis oleh Abdullah Munshi tentang masyarakat di Terengganu suatu masa dahulu:

... sahaya lihat hal orang-orang dalam negeri ini miskin belaka, lagi dengan kelakuan malas dan lalai sepanjang hari ... maka perempuan mereka itu bekerja dan berkedai dan menjaja dan membuat segala pekerjaan akan mencari kehidupan; tetapi laki-lakinya semuanya malas ... (Abdullah Abdul Kadir Munshi 1960:55).

Pada masa kini, sektor pekerjaan yang mendapat tempat kedua ialah pekerjaan di sektor pelancongan iaitu 17.6 peratus. Pekerjaan di sektor ini mula wujud pada awal 1990-an setelah berlakunya kemasukan industri pelancongan secara intensif. Manakala peratus golongan yang tidak bekerja dan pesara adalah agak tinggi, iaitu menduduki di tangga ketiga (12.6 peratus). Kakitangan kerajaan pula cuma 5 peratus, dan terdiri daripada anggota polis, guru sekolah rendah dan kakitangan klinik desa. Mereka yang menjadi pengusaha bot atau tempat penginapan pelancong (chalet) dan juga mereka yang berniaga sendiri masing-masing cuma 3.2 peratus atau enam orang sahaja (Jadual 6).

JADUAL 6. Pekerjaan utama ketua isirumah

| Jenis Pekerjaan | Peratus |
|--|--------------|
| Nelayan | 56.0 |
| Pekerja Sektor Pelancongan | 17.6 |
| Tidak Bekerja & Pesara | 12.6 |
| Kakitangan Kerajaan | 5.0 |
| Pengusaha Pelancongan (<i>bot/chalet</i>) | 3.2 |
| Berniaga Sendiri | 3.2 |
| Lain-lain (<i>swasta/pembinaan/perkhidmatan</i>) | 2.4 |
| Jumlah | 100.0 |

Sumber: Kajian Lapangan 1998-2000

JADUAL 7. Jumlah pendapatan isirumah

| Jumlah Pendapatan (RM) | Peratus |
|------------------------|--------------|
| 250 ke bawah | 16.4 |
| 250-500 | 54.2 |
| 501-750 | 13.9 |
| 751-1000 | 8.2 |
| 1001-1250 | 2.9 |
| 1251-1500 | 2.2 |
| 1500 ke atas | 2.2 |
| Jumlah | 100.0 |

Sumber: Kajian Lapangan 1998-2000

Berbeda dengan kaum tani, rata-rata kaum nelayan ini memperolehi pendapatan daripada satu punca rezeki semata-mata. Konsep pekerjaan tunggal dan sikap berserah kepada takdir jika tidak dapat menjalankan kerja tersebut pada masa-masa tertentu kerana halangan cuaca dan sebab-sebab lain, seperti masalah kesihatan dan kekurangan upaya disebabkan usia yang lanjut, dan juga peralatan yang ketinggalan telah menjadi kelaziman dalam kehidupan nelayan. Dengan ini, hasil yang diperolehi daripada aktiviti menangkap ikan oleh golongan ini boleh dikatakan tidak menentu dan dipengaruhi oleh banyak faktor seperti cuaca, musim, peralatan yang digunakan, lokasi kawasan tangkapan, tempoh masa ke laut dan sebagainya.

Dari segi pendapatan, didapati lebih separuh (54.2 peratus) daripada isirumah Pulau Redang memperolehi pendapatan sekitar RM250 hingga RM500 sahaja. Mereka ini rata-rata tergolong dalam kumpulan yang bekerja sebagai nelayan.

Manakala golongan yang memiliki peratus yang kedua paling tinggi, iaitu 16.4 peratus adalah mereka yang berpendapatan kurang daripada RM250 sebulan. Mereka ini juga sebahagiannya terdiri daripada nelayan tradisional dan sebahagian lagi adalah golongan yang tidak bekerja dan mengharap bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Secara keseluruhannya, purata pendapatan isi rumah ialah RM468 sebulan. Manakala ditinjau dari segi pengukuran garis kemiskinan (RM460 adalah garis kemiskinan nasional pada tahun 1999), didapati 67.8 peratus daripadanya berada di bawah garis kemiskinan. Daripada golongan termiskin ini, didapati seramai 34 orang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, iaitu 18 orang dalam kategori orang tua, lapan orang kategori balu dan lapan orang lagi kategori berpenyakit.

Dari segi kemudahan awam pula, pelbagai kemudahan baru telah dibina bagi menggantikan kemudahan-kemudahan yang telah dan akan dirobohkan di kawasan penempatan lama. Kini sebuah masjid, klinik desa, sekolah rendah, balairaya, tadika Kemas, wakil pos, pondok polis dan jeti baru telah dibina bagi meningkatkan kualiti kemudahan awam yang sedia ada. Bekalan elektrik yang dulunya cuma selama 12 jam (dari pukul 7 petang hingga 7 pagi) kini dibekalkan 24 jam. Bekalan air paip pula yang dulunya disalurkan dari rumah ke rumah daripada kawasan takungan air bukit di hulu Sungai Redang, kini dibekalkan dengan air bersih yang disalurkan daripada tanah besar melalui paip dasar laut.

Walau bagaimanapun, tahap, kesihatan penduduk masih lagi kurang memuaskan. Perkhidmatan doktor cuma ada tiga hingga empat bulan sekali dan segala urusan rawatan dikendalikan oleh seorang Pembantu Kesihatan (HA), dua orang pembantu jururawat, seorang atendan dan seorang bidan terlatih. Hampir keseluruhan proses bersalin dilakukan secara kerjasama oleh bidan kerajaan dan bidan kampung. Dalam kes-kes kecemasan, pesakit akan dibawa terus ke hospital Kuala Terengganu dengan bot nelayan atau bot Jabatan Laut yang mengambil masa kira-kira 3 hingga 4 jam.

Taraf pendidikan juga didapati masih rendah. Setakat ini cuma empat orang daripada anak-anak pulau ini yang berjaya ke pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negeri. Kesedaran pendidikan di kalangan ibu bapa masih rendah, rata-rata menyerahkan masa depan kepada anak-anak sama ada ingin meneruskan persekolahan atau membantu mereka dalam urusan kerja harian sebagai nelayan.

Kemudahan lain seperti taman permainan atau taman rekreasi tidak terdapat di sini. Dengan itu, secara umum masa lapang kanak-kanak ini dipenuhi dengan sama ada bermain di sekitar rumah, di pelantar/jeti atau membuat aktiviti yang berkaitan dengan laut seperti memancing, mandi laut, bersampan, menangkap ketam, siput, dan sebagainya. Kemalangan kanak-kanak terjatuh dari pelantar ke dalam laut yang kadang-kadang membawa maut juga pernah berlaku.

REAKSI AWAL PERUBAHAN KOMUNITI

Menyedari bahawa prospek dalam sektor pelancongan amat baik dan aset semulajadi yang dimiliki di Pulau Redang juga bernilai jika dimajukan, kerajaan negeri Terengganu dengan kerjasama sebuah syarikat swasta (bukan tempatan) telah meluluskan suatu cadangan bagi membangunkan Pulau Redang sebagai destinasi pelancongan.

Impak pembangunan ini ialah peningkatan nilai tanah yang mendadak dan ketara. Pada orang Melayu, tanah merupakan perkara kedua terpenting selepas maruah diri. Walau bagaimanapun peningkatan harga tanah tidak bererti peningkatan dari segi maruah diri juga. Sebaliknya, ia merupakan ancaman kepada hak milik warisan. Harga tanah di pulau ini melambung secara mendadak dalam tempoh dua tahun (1991-1993) sehingga mencecah antara RM200,000 – RM250,000 seekar bagi lot di kawasan pantai dan RM125,000 – RM150,000 seekar bagi lot di pedalaman. Peningkatan harga yang berasaskan tuntutan pasaran yang tinggi daripada pembeli luar, menyebabkan pada hari ini semua tanah di kawasan pantai yang dahulunya dimiliki penduduk tempatan telah terjual kepada pemodal luar. Tindakan ini menyebabkan tiada satu pun lot tanah yang strategik di tepi pantai yang masih dimiliki penduduk tempatan; yang tinggal hanyalah lot-lot pedalaman yang kurang berpotensi untuk dimajukan. Dalam satu segi yang lain, tuntutan pasaran melemahkan semangat kolektif, hatta menjejaskan solidariti kelompok. Dalam urusan hartanah ini, tuntutan pasaran menjustifikasikan *individualisation of property*, satu proses yang memudahkan penjualan tanah kepada sesiapa yang mampu tanpa kira dari mana asalnya pembeli itu (Dahlan 2000:248).

Faktor kedhaifan ekonomi mempunyai kaitan rapat dengan kegelojohan mengaut keuntungan segera melalui penjualan hartanah. Lantaran hilangnya hak milik terhadap harta warisan, kini komuniti ini terpaksa mengharap anugerah kerajaan untuk menumpang tempat tinggal dan meneruskan pekerjaan tradisinya sebagai nelayan atau bekerja sebagai kuli di sektor pelancongan. Sedangkan proses transformasi yang bakal dilalui komuniti ini masih di peringkat awal, dan hingga kini pencapaian pembangunan sebenar cuma sekitar 20 peratus daripada apa yang termaktub dalam pelan pembangunan asal. Oleh itu anggota komuniti tersebut masih tertanya-tanya adakah sektor baru ini akan merubah segala-galanya? Kebingungan ini melahirkan tafsiran yang berbagai-bagai. Apa yang jelas dan akan melibatkan mereka dalam masa terdekat ini ialah mereka terpaksa sekali lagi mengharap campur tangan kerajaan dalam hal pengagihan peluang-peluang dalam sektor pelancongan sesudah semua kemudahan asas disediakan oleh pihak kerajaan. Isu penempatan semula di lokasi baru yang jaraknya kira-kira 4 km daripada jeti yang sedia ada sekarang dikatakan menyusahkan mereka yang bekerja sebagai nelayan. Keadaan ini juga membuatkan kira-kira lebih separuh daripada mereka terfikir untuk bertukar pekerjaan kepada 'kerja darat'.

Dalam hal ini dan berasaskan persediaan yang amat daif, mereka tidak mempunyai banyak pilihan selain menyertai saja apa yang tersedia di sektor

planelonangan ini. Walau bagaimanapun 70 peratus daripada para nelayan tradisi yang berusia 45 tahun ke atas yang ditemui, menyatakan kurang minat mereka untuk beralih kepada pekerjaan baru kerana mereka telah sebatl dengan 'kerja laut'. Namun, sekiranya keadaan memaksa, mereka tiada pilihan dan akan juga menyertai sektor pelancongan walau apapun bentuk pekerjaan yang ditawarkan.

Rata-rata nelayan tradisi ini melahirkan kerisauan terhadap masa depan mereka disebabkan hasil tangkapan yang kian merosot berbanding sebelumnya. Kawasan yang dulunya menjadi tumpuan tangkapan di sekitar pulau tersebut kini telah dizonkan sebagai kawasan larangan untuk tangkapan menggunakan pukat. Oleh itu, mereka terpaksa beralih ke kawasan lain yang lebih jauh atau mengubah kepada konsep nelayan laut dalam walaupun disebabkan rata-rata nelayan tradisi ini tidak berkemampuan berbuat demikian modal yang terhad dan juga peralatan yang masih tradisional. Dilema yang dihadapi majoriti ahli komuniti inilah juga yang menjadi salah satu isu yang membangkitkan rasa tidak puas hati mereka terhadap pembangunan sektor pelancongan di sini.

Daripada apa yang dilihat, langkah pertama penglibatan penduduk secara langsung dalam industri pelancongan di Pulau Redang ini ialah pengambilan para pekerja kategori buruh untuk bekerja di hotel lima bintang dan padang golf yang baru dibuka. Maklumat yang diperolehi daripada 230 orang pekerja peringkat pertama di hotel terbesar di Pulau Redang ini, iaitu Berjaya Redang Golf & Country Resort, menunjukkan 35 peratus daripadanya adalah penduduk tempatan. Daripada jumlah tersebut 60 peratus daripadanya bekerja di bahagian golf (sebagai kedi) dan landskap, manakala 40 peratus lagi di bahagian restoran dan *house-keeping*. Jawatan tertinggi yang dipegang oleh penduduk tempatan ialah sebagai penyelia tetapi bilangannya cuma dua orang. Manakala gaji yang ditawarkan ialah sekitar RM450 – RM650 bagi buruh bahagian golf dan RM300 – RM500 bagi pelayan atau pekerja di bahagian housekeeping.

Dengan tawaran gaji yang agak lumayan bagi penduduk tempatan ini, pekerjaan-pekerjaan tersebut telah menjadi satu profesion yang menarik di kalangan belia Pulau Redang. Didapati lebih 90 peratus para belia di sini mengidamkan kerja di sektor perhotelan dengan alasan suasana kerjanya yang menarik dan lebih *glamour* berbanding dengan kerja sebagai nelayan. Namun, memandangkan kelayakan untuk bekerja di sektor ini memerlukan sekurang-kurangnya kelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan kebolehan berkomunikasi dengan baik, maka rata-rata mereka gagal di peringkat temuduga. Berbanding dengan pekerja lelaki, didapati pekerja wanita lebih ramai, iaitu 65 peratus. Ini adalah kerana pekerja wanita mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan lebih baik dan mereka juga lebih diperlukan terutama di bahagian housekeeping dan penyediaan makanan berbanding lelaki.

Seterusnya hasil kajian juga mendapati 15 peratus daripada ketua isirumah berhasrat menceburi bidang-bidang yang bersangkutan dengan sektor sokongan kepada sektor pelancongan seperti berniaga kecil-kecilan, mengusahakan bot pelancong dan menjadi pembekal. Tetapi kesemuanya menyatakan bahawa

mereka menghadapi masalah modal, peluang dan juga ruang. Faktor inilah yang menjadi penghalang utama penyertaan mereka sedangkan peluang ini masih terbuka luas.

Ditinjau dalam bidang peruncitan pula, didapati cuma sebuah dua kedai runcit yang menjadi tumpuan pelancong. Keadaan ini berlaku kerana hampir kesemua kedai yang terdapat di sini tidak kemas, kurang barangan yang ditawarkan dan lokasi yang kurang strategik. Manakala bagi para pelancong, segala-galanya telah disediakan oleh pihak agensi pelancongan atau hotel secara pakej, menyebabkan mereka tidak perlu lagi berkunjung ke kedai-kedai tempatan untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan lain. Walaupun sektor peruncitan mempunyai potensi untuk dikembangkan, namun sebuah kedai sahaja yang boleh dikatakan benar-benar maju dan boleh dikelaskan sebagai 'mini market'.

Perniagaan makanan mendapat sambutan yang baik daripada penduduk dan juga pelancong yang datang. Walau bagaimanapun, didapati daripada tujuh buah kedai makan (bukan bertaraf restoran) yang terdapat di pulau ini, cuma tiga buah dibuka daripada pukul 7 pagi hingga pukul 10 malam (yang menjual sarapan pagi dan pelbagai masakan) dan mendapat tumpuan yang menggalakkan dengan jumlah jualan hariannya sekitar RM300 – RM400 sehari. Anggaran kasar keuntungan yang diperolehi sekitar RM3000 sebulan. Manakala kedai-kedai lain ada yang dibuka daripada pagi hingga tengahari sahaja dan ada yang dibuka pada waktu petang sahaja. Masa jualan yang singkat dan tidak menentu bergantung kepada bekalan yang terhad, cuaca (contohnya kedai ditutup jika hari hujan) dan *mood* pekedai tersebut menjadikan keadaan perniagaan mereka 'hidup segan, mati tak mahu'.

Di kalangan kedai runcit dan juga kedai makan, tiada satu pun yang menjual barangan yang melambangkan identiti komuniti tempatan, sedangkan Pulau Redang terkenal dengan hasil lautnya yang boleh dipromosikan. Kedai-kedai runcitnya tidak menjual sebarang hasil tempatan berbentuk cenderamata yang boleh dibawa pulang, manakala kedai-kedai makannya pula tidak mempromosikan makanan tradisional tempatan berasaskan sumber laut hasil tangkapan para nelayan, sedangkan menu masakan tempatan seperti ikan bakar, otak-otak, sata dan keropok lekor mendapat sambutan yang baik di kalangan pengunjung luar ke Terengganu. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa masalah sikap dan kemampuan yang amat terbatas membantutkan usaha-usaha ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Dalam bidang pembekalan, didapati sehingga kini kurang daripada 10 peratus sumber bekalan untuk hotel dan chalet yang dibekalkan oleh penduduk tempatan. Pengusaha hotel dan chalet di Pulau Redang memperolehi bekalan masing-masing termasuklah bekalan ikan segar, dengan cara memesannya daripada Kuala Terengganu (walaupun majoriti penduduk di sini terdiri daripada nelayan). Peluang untuk menjadi pembekal dan pemborong masih belum diterokai oleh penduduk tempatan.

Ketiadaan pemimpin masyarakat yang berkesan dan diterima umum menyulitkan lagi keadaan. Masing-masing lebih bersikap 'buat hal masing-masing'. Jika dulu mereka saling bermuafakat dan bekerjasama mencari jalan penyelesaian dan berusaha sendiri dalam menghadapi sesuatu masalah, kini situasi sedemikian telah mulai luntur. Sikap individualistik mula jelas kelihatan dan masing-masing mengharapkan sumber dan bantuan kerajaan dalam sesuatu hal termasuklah dalam aktiviti ekonomi dan juga kemasyarakatan. Keadaan ini tidak menggambarkan lagi komuniti Pulau Redang yang suatu masa dulu begitu intim, bersatu padu, gigih dan kurang mengharapkan bantuan mana-mana pihak dalam urusan kehidupan seharian.

Berhubung dengan gejala sosial, didapati kes penagihan dadah mula menular dan ada kes melibatkan remaja yang masih bersekolah. Keadaan ini amat membimbangkan para ibu bapa. Setakat ini sudah beberapa kali tangkapan dibuat terhadap para remaja yang terlibat dengan kes dadah dan mereka dibawa ke pusat pemulihan. Namun, setelah mereka kembali kegiatan yang sama berulang semula. Manakala dalam konteks pengaruh budaya asing berdasarkan imej para pelancong yang datang, masih lagi belum dapat dibuktikan keseriusannya. Walau bagaimanapun, ada kelihatan para remaja yang mula meniru gelagat pelancong luar yang datang dari segi gaya berpakaian dan perlakuannya. Namun, keadaan ini masih lagi dianggap kurang membimbangkan para ibu bapa selagi mereka belum terjebak dengan gejala tidak bermoral.

KESIMPULAN

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kegiatan pelancongan sering membawa masuk modal dan pendapatan baru yang diperlukan dan mungkin menambah atau menggantikan sumber perolehan tradisional. Atas alasan inilah pembangunan pelancongan sering mendapat sokongan daripada kerajaan dan penduduk tempatan di kawasan yang meleset atau sedang membangun yang sedar akan faedah ekonomi daripada pelancongan. Perasaan senang dan ghairah yang timbul di fasa-fasa awal pelancongan mulai hilang apabila pelancongan meluas dan bilangan pelancong meningkat. Sekarang mereka melahirkan perasaan bimbang terhadap tekanan yang semakin meningkat terhadap adat resam dan tradisi hidup mereka. Selain itu, mereka juga sedar akan kemerosotan jalinan sosial.

Pendedahan kepada penduduk tentang kebaikan dan keburukan pelancongan dengan persediaan awal yang lebih serius dan menyeluruh dirasakan akan dapat membantu komuniti pulau ini mengadaptasikan masa depan mereka dengan lebih mudah. Dalam hal ini, pengintegrasian penduduk dengan pembangunan yang bakal dilaksanakan amat penting diberi perhatian. Penglibatan penduduk dalam proses pembangunan akan meningkatkan persefahaman terhadap apa yang dikehendaki, membantu apa yang patut dan mengumpul pandangan dalam usaha mencapai matlamat pembangunan sebenar. Oleh itu,

potensi penglibatan penduduk dilihat sebagai keupayaan penduduk menyertai mana-mana aktiviti dalam pembangunan pelancongan. Pengintegrasian penduduk ini dapat dilihat dalam konteks kepenggunaan dan kesampaian penduduk sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap apa jua kemudahan yang terhasil dan manfaat yang diterima daripada perkembangan industri ini.

Dalam konteks komuniti Pulau Redang ini, mereka masih tidak boleh dibanding sama sekali dengan komuniti-komuniti kepulauan lain yang telah *established* dan mempunyai persediaan yang cukup sebelum memasuki era dunia pelancongan. Dalam hal ini contoh yang boleh diambil ialah penglibatan secara positif kaum bumiputera di kepulauan Cyprus dengan penyertaan mereka dalam berbagai-bagai bidang termasuklah sebagai pemilik hotel, pengusaha pengangkutan, pembekal sehinggalah kepada peniaga kecil-kecilan yang tidak memerlukan pekerja daripada luar (de Kadt 1979). Keadaan tersebut amat berbeza dengan komuniti di sini. Secara umumnya, komuniti di Pulau Redang ini masih lagi jauh ketinggalan dari segi persediaannya untuk menghadapi era perubahan dalam realiti pembangunan pelancongan yang sedang berlaku. Didapati permasalahan asas iaitu 'kesengsaraan ekonomi' masih lagi mencengkam mereka dan sukar diatasi sekiranya mereka masih kekal dalam sektor tradisional. Namun, sekiranya peralihan kepada sektor baru perlu dilaksanakan terhadap komuniti ini, maka pelbagai faktor perlu diambil kira terutama persediaan dari segi ilmu, pengalaman, modal dan berbagai lagi.

Jika ditinjau daripada kecekalan dan kegigihan anggota komuniti Pulau Redang ini meneruskan usaha harian, jelas tersirat bahawa sememangnya mereka berhasrat untuk merubah; tetapi hasrat ini seringkali hanya tinggal sebagai impian yang tidak mungkin terlaksana. Meskipun begitu, sekiranya usaha pembangunan itu dibawa kepada mereka beserta dengan dorongan dan bimbingan yang mantap, maka hajat untuk merubah mungkin dapat direalisasikan. Mereka sebenarnya perlu diasuh dan diberi tunjuk ajar dalam berbagai-bagai perkara. Oleh itu, 'didikan pembangunan' bercorak motivasi dan latihan kepimpinan bagi melahirkan komuniti usahawan amat diperlukan.

Masalah geografi dan tradisi tidak seharusnya menjadi halangan dan alasan untuk tidak menggalakkan mereka untuk turut serta dalam sebarang peluang yang ada. Komuniti Pulau Redang memang inginkan kemajuan dan sedia turut serta, lebih-lebih lagi di pulau tanah warisan mereka sendiri. Namun, ketiadaan pengetahuan tentang keusahawanan menyukarkan mereka untuk merebut peluang-peluang yang ada.

Usaha mengintegrasikan rancangan pembangunan baru dan sektor tradisi penduduk tempatan perlu dilakukan. Dari segi hubungannya, kedua-dua sektor ini tidak boleh dianggap terpisah. Para pendokong teori dualisme telah menyarankan penyerapan unsur-unsur maju dari sektor moden ke sektor tradisi sebagai asas pembangunan. Dengan cara ini sektor tradisi akan terpadu ke dalam

sektor moden lalu menggerakkan kemajuan dan pembangunan di sektor tradisi (Shamsul Amri 1990:33).

Dalam merancang proses pembangunan, ia seharusnya mengutamakan strategi bagi menyelesaikan permasalahan semasa yang dihadapi oleh komuniti tempatan terlebih dahulu. Langkah ini perlu bagi memperoleh kerjasama dan sokongan ke arah memperkukuhkan lagi struktur pembangunan yang dilaksana. Tanpa strategi ini, proses pembangunan yang dibawa tidak akan bermakna. Oleh itu dalam menjayakannya, kata sepakat daripada tiga pihak iaitu kerajaan sebagai pemutus rancangan, pemaju swasta sebagai agen perubahan dan penduduk tempatan yang bakal menerima impak atau objek sasarannya adalah penting bagi melicinkan proses pembangunan yang dibawa ke dalam komuniti yang belum terusik tatacara hidup dan budayanya.

RUJUKAN

- Abdullah Abdul Kadir Munshi. 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah ka-Kelantan dan ka-Judah*. London: Oxford University Press.
- Berita Harian. Pelancongan industri strategik alaf baru. 10/4/2001.
- Bird, B. 1989. *Langkawi: From Mahsuri to Mahathir. Tourism for Whom?* Kuala Lumpur: Insan.
- Carter, A.F. 1985. *The Sociology of Development*. London: Causeway Press Ltd.
- Chamhuri Siwar. 1988. Isu Pembangunan, Kemiskinan dan Ketaksamaan: Satu Sorotan. Dlm. Chamhuri Siwar & Mohd Hafiah Piei (pnyt.). *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Chew Ban Seh. 1983. Beberapa Aspek Berhubung dengan Pembangunan Pelancongan di Pulau Pangkor, Perak. Tesis Kepujian. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Commission of the European Communities. 1986. Community Action in the Field of Tourism. *Bulletin of the European Communities* 4: 1-19.
- Dahlan, H.M. 2000. Demensi Integrasi Sosial dalam Peningkatan Pasaran di Kundasang. Dlm. Abdul Halim Ali, Ishak Shari, Habibah Ahmad & Er Ah Choy (pnyt.). *Sabah dalam Perluasan Pasaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farrel, B. H. 1979. Tourism Human Conflicts: Case from the Pacifics. *Annual of Tourism Research* 6: 122-136.
- Godfrey & Gardner. 1978. *Social Survey for Social Planner*. Milton Keynes: Open University Press.
- Habibah Ahmad. 2000. Labuan ke arah Destinasi Pelancongan Antarabangsa: Impak ke atas Penduduk Tempatan. Dlm. Abdul Halim Ali, Ishak Shaari, Habibah Ahmad & Er Ah Choy (pnyt.). *Sabah dalam Perluasan Pasaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kadir H. Din. 1982. Tourism in Malaysia: Competing Needs in a Plural Society. *Annual of Tourism Research* 9: 453-458.
- Kadir H. Din. 1997. Tourism and Cultural Development in Malaysia. Dlm. Yamashita, S., Kadir H. Din, & Eades, J.S. (pnyt.), *Tourism and Cultural Development in Asia and Oceania*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- De Kadt, E. (pnyt.). 1979. *Tourism: Passport to Development?* Washington, D.C.: Oxford University Press.

- Kamal Roslan Mohamad. 1995. Pulau Redang: Pemandangan Cantik Geologi Menarik. *Majallah Bumi*, UKM.
- Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. 1997. *Dasar dan Strategi Pelancongan Negara*.
- King, V.T. 1993. Tourism and Culture in Malaysia. Dlm. M. Hitchcock, King, V.T. & Parnwell, M.J.G. (pnyt.), *Tourism in South-East Asia*. London: Routledge, pp. 99-116.
- Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia. 1997. *Laporan Tahunan Statistik Pelancongan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesenian dan Pelancongan.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan.
- Mathieson, A., & Wall, G. 1982. *Tourism: Economic, Physical and Social Impact*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohd Firdaus al-Amry. 1992. *Terengganu: Rahsia yang Terbongkar*. Kuala Terengganu: Mahir Enterprise.
- Moser, C.A., & Kalton, G. 1971. *Survey Method in Social Investigation*. London: Heineman.
- Roslan Ibrahim. 1998. Industri Pelancongan Terus Berkembang. *Berita Harian*, 12 Mac.
- Shafie Abu Bakar. 1989. Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman di Terengganu. Dim. Dato' Setia Jasa & Mohd Yusof Abdullah (pnyt.), *Pesaka V*. Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1990. *Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: DBP.
- Sulong Mohamad. 1981. Perusahaan Pelancongan di Tanjung Jara dan Rantau Abang. Terengganu: Tinjauan Awal. *Jurnal Ilmu Alam* 10.
- Syed Husin Ali. 1977. *Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri. 1996. *Kenyataan Strategi Lima Tahun Pertama 1996-2000 Fasa Kedua Pembangunan Terengganu*. Kuala Terengganu: Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri. 1997. *Laporan Ekonomi Negeri Terengganu 1997/98*. Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri. 1997. *Prestasi Tahun Melawat Terengganu 1997: Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Penggalakan Pelancongan Kebangsaan Bil. 3/97*. Kuala Terengganu: Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.
- Zabidah Safar. 1994. Pembangunan Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes di Pulau Tioman. MPA, Universiti Malaya.

Yahya Ibrahim
 Pensyarah
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia